

SH 25/4/09 ml 116

# Besut jadi pengeluar beras pulut siding utama negara

**GONG TEBU** – Besut dijangka akan menjadi pengeluar beras pulut siding utama negara apabila projek percubaan tanaman beras itu di kawasan seluas 38.1 hektar, di sini berjaya menghasilkan beras pulut berkualiti.

Timbalan Pengerusi Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Muhammad Pehimi Yusof berkata, kejayaan hasil tuaian padi pulut siding pada penanaman musim 1/2008 yang menghasilkan sebanyak 4.87 metrik tan sehektar, membuktikan padi itu sesuai ditanam secara komersil di daerah ini.

Menurutnya, pada musim 2/2008 ia ditanam di kawasan seluas 38.1 hektar dengan penyertaan seramai 32 petani bermula 18 Disember tahun lepas, dan mula dituai ketika perasmian kelmarin.

Dianggarkan ia mengeluarkan hasil purata yang meningkat menjadi 4.50 metrik



● Mohamed Kaberi (dua dari kanan) menunjukkan padi pulut siding yang sedia dituai kepada Muhammad Pehimi (tiga dari kanan) ketika majlis perasmian Penuaian Projek Padi Pulut Siding di Baruh Gong Tebu.

tan sehektar.

“Penghasilan padi pulut siding secara komersial di kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Terengganu Utara (IADA Ketara) ini adalah perintis ke arah merealisasikan pengeluaran beras pulut tempa-

tan di Malaysia.

“Penanaman padi pulut siding dapat menambah pendapatan petani dan secara tidak langsung boleh mengurangkan import negara,” katanya pada majlis Perasmian Penuaian Projek Padi Pulut Siding di Baruh

Gong Tebu, dekat Darau, Hulu Besut.

Hadir sama, Dekan Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), dan Pengarah IADA Ketara, Mohamed Kaberi Ghani.

Kata Muhammad Pehimi, idea menanam pulut siding tercetus pada 2007 apabila hasil padi kawasan Ketara ketika itu agak merosot akibat serangan serangga perosak dan perubahan cuaca melampau.

Menurutnya, daerah ini satu-satunya di Malaysia yang menjadi kawasan berjaya mengusahakan projek ini dengan kerjasama pelbagai pihak antaranya Ketara, UMT, Bernas, Mardi, Jabatan Pertanian dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

“Menurut kajian UMT, beras pulut siding mempunyai 7.9 peratus protein, lemak (0.37 peratus), air (10.45 peratus), abu (0.57 peratus) dan karbohidrat atau kanji 80 peratus dengan kanji jenis amilos lebih kurang tiga peratus.

“Beras pulut ini dikatakan enak dimakan kerana tidak mudah muak,” katanya.